

12/04/13 11:11:01

CNS2065

U GB 29-04 00189 BD438

B a h

Mahathir-moral

PM KATA KEMAJUAN TIDAK KEKAL TANPA MORAL DAN ETIKA YANG TINGGI

PETALING JAYA, 29 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menekankan betapa pentingnya perhatian diberikan kepada moral dan etika bagi memastikan Malaysia dapat mempertahankan kemajuan yang dicapai setakat ini.

Perdana Menteri berkata, etika dan moral perlu dipupuk di kalangan masyarakat sejak dari bangku sekolah dan dikembangkan hingga ke peringkat institusi pendidikan tinggi.

"Lebih tinggi tahap pengetahuan yang dikejar, lebih berat tekanan yang perlu diberi kepada etika dan moral," katanya semasa merasmikan Kolej Sunway dan Taman Air Lagoon Sunway, di sini.

Beliau berkata usaha seumpama itu perlu diherikan tumpuan segera kerana kemajuan yang dicapai akan hanya kekal dan selamat jika rakyat neyara ini mempunyai etika dan moral yang tinggi.

"Tidak ada gunanya kita mempunyai per kapita yang tinggi serta ilmu pengetahuan yang cemerlang jika moral dan etika yang mulia tidak dihargai oleh masyarakat.

"Walaupun bagaimanapun maju sekalipun sesebuah masyarakat, jika ia tidak mempunyai moral dan etika yang mulia, kemajuan tidak akan tahan lama dan ia akan hancur," katanya. -- Laqi

JO KGO AKD

▼29/04/13-40MST

U GB 29-04 00158 BD447

Bah

Mahathir-moral 2 Petaling Jaya

Dr Mahathir berkata di samping itu, moral dan etika amat penting diberikan penekanan kerana tidak mahu Malaysia melahirkan masyarakat yang terpelajar tetapi sanggup menggunakan ilmu untuk melakukan jenayah.

"Tidak ada orang yang lebih buruk dan bahaya daripada penjenayah yang terpelajar. Di zaman peningkatan jenayah kolar putih ini, kita harus menekankan etika yang baik kepada penuntut di semua peringkat," katanya.

Beliau berkata kepercayaan bahawa etika dan nilai moral yang baik akan diserap secara automatik daripada ibubapa dan masyarakat adalah tidak berasas hingga menyebabkan budaya cepat kaya semakin mecrebak dan sedikit sebanyak merosakkan masyarakat negara ini.

Beliau mahukan budaya seumpama ini dibendung semasa proses menuntut ilmu dan dia anti dengan budaya kepentingan jangka panjang yang mengambil kira masyarakat lebih daripada individu.

Perdana Menteri menegaskan bahawa hanya dengan memiliki budaya yang baik barulah ilmu pengetahuan boleh membawa kejayaan kepada individu serta masyarakat. -- Laqi

▼29/04/15-56MST

CNS2175

UGB 29-04 001.57 BD448

Bah

Mahathir-moral 3 Petaling Jaya

"Kejayaan masyarakat- tetap menguntungkan individu tetapi kejayaan individu belum tentu menjayakan masyarakat, bahkan individu itu sendiri mungkin tidak selamat," katanya.

Mengetahui penubuhan institusi-institusi swasta sekarang, Dr Mahathir berkata ia sepatutnya bukan sahaja menarik penuntut dari dalam negeri tetapi juga berusaha membawa masuk pelajar asing kerana kerajaan mahu meniadakan Malaysia sebagai pusat pendidikan tinggi bagi Asia Tenggara.

Beliau yakin Malaysia mampu daripada segi kepakaran untuk menyediakan kemudahan pembelajaran di peringkat tinggi di samping menawarkan pendidikan pada kadar yang lebih murah memandangkan sara hidup di negara ini lebih rendah dibandingkan dengan negara lain.

Baai manapun, beliau mengingatkan institusi-institusi swasta supaya sentiasa mematuhi dasar pelajaran negara di samping membantu menjayakan usaha-usaha mengimbangkan pembangunan kaum di Malaysia.

Dr Mahathir berkata tumpuan kerajaan ialah terhadap peningkatan pengetahuan yang relevan dan boleh membantu pembangunan negara dengan memberikan tumpuan kepada bidang sains, teknologi dan kecekapan pengurusan.

-- Laqi

▼29/04/16-01MST

CNS2194

U GB 29-04 00174 BD449

Bah

Mahathir-moral 4 Petaling Jaya

Beliau juga meminta institusi swasta supaya lebih cenderung dalam membawa pembaharuan ketika menerokai kaedah-kaedah baru untuk menyampaikan pengetahuan.

Perdana Menteri berkata penubuhan institusi pendidikan tinggi swasta yang mempunyai program berkembar dengan universiti-universiti asing dapat mengurangkan pengaliran wang negara, terutama yang membabitkan penuntut tajaan kerajaan, kerana mereka boleh menjalani sebahagian besar daripada pendidikan di dalam negeri.

Menurut beliau, selama ini begitu banyak wang negara mengalir keluar untuk membiayai penuntut sama ada tajaan kerajaan mahupun persendirian sedangkan faedah daripada segi pendedahan kepada masyarakat asing tidak didapati.

Dr Mahathir kesal kerana ada penuntut yang dihantar ke luar negara tidak bergaul dengan rakyat asing sehingga tidak dapat menguasai bahasa yang dituntut dan adapula yang terlalumudah menerima budaya asing yang tidak sesuai dengan keadaan di Malaysia.

Institusi swasta juga, katanya, dapat membantu kerajaan menyediakan kemudahan tempat belajar memandangkan kerajaan sendiri tidak berupaya memenuhi keperluan itu kerana tidak dapat menawarkan gaji yang lumayan untuk menarik tenaga pengajar yang diperlukan. --Lagi

▼29/04/16-16MST

CNS2204

UGB 23-04 00202 DD450

Bah

Mahathir-moral 5 (Akhir) Petaling Jaya

Selain dnripada tidak terikat dengan skim gaji kerajaan, institusi swasta juga boleh mengenakan bayaran yuran yang lebih tinggi untuk menampung kos mereka, katanya.

Dalam hal ini, kata Dr Mahathir, kerajaan sebenarnya ingin menaikkan gaji kakitangannya yang penting supaya selaras dengan pasaran tetapi bimbang akan menyebabkan golongan lain turut membuat tuntutan.

"Ini adalah kerana semua pihak berpendapat bahawa mereka menjalankan tugas yang tidak kurang pentingnya. Jika mana-mana kategori dinaikkan gaji, yang lain semuanya akan menuntut supaya sama-sama dinaikkan gaji," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan sebenarnya tidak mampu menambah gaji semua kakitangan melainkan apabila ketulukan kewangan bertambah baik dan tindakan menaikkan gaji satu pihak sahaja akan menyebabkan kepincangan serta masalah kepada masyarakat.

Pengerusi Kolej Sunway Datuk Musahitam dalam ucapannya berkata mutu pendidikan perlu diberikan penekanan mulai sekarang bagi mencapai matlamat Wawasan 2020.

Beliau memberikan jaminan bahawa kolej itu akan sentiasa memberikan tumpuan kepada kecemerlangan.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Pendidikan Datuk Amar Dr Sulaiman Daud dan Tun Suhaila Tan Sri Mohd Noah, isteri bekas Perdana Menteri Tun Hussein Onn, yang pernah menjadi pengerusi Kolej Sunway. --

Bernama

: JO AKD